

FAKTOR PERSEKITARAN PEMBELAJARAN DI LUAR KELAS YANG MEMPENGARUHI PERKEMBANGAN PSIKOMOTOR KANAK- KANAK TADIKA DI NATIONAL CHILD DEVELOPMENT RESEARCH CENTRE (NCDRC) UPSI

*Learning Environmental Factors Outside the Classroom in Affecting the Psychomotor
Development of Kindergarten Children at National Child Development Research Centre
(NCDRC), UPSI*

Nur Faizah Ramli¹, Mohd Amirul Hussain^{1*}, Mohd Yazid Mohd Yunos²,
Hishammuddin Hamdan³

Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia¹

Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia²

Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia, 62604 Putrajaya, Malaysia³

nurfaizah2690@gmail.com¹, amirul.hussain@ftv.upsi.edu.my^{1*}, mohdyazid@upm.edu.my²,
hishammuddin@moe.gov.my³

*Corresponding Author

Received: 23 Februari 2024; **Accepted:** 24 April 2024; **Published:** 25 April 2024

To cite this article (APA): Ramli, N. F., Hussain, M. A., Mohd Yunos, M. Y., & Hamdan, H. (2024). Learning Environmental Factors Outside the Classroom in Affecting the Psychomotor Development of Kindergarten Children at National Child Development Research Centre (NCDRC), UPSI. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 92–104. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.8.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.8.2024>

ABSTRAK

Tadika merupakan institusi pendidikan awal yang memberikan pendedahan kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Pendidikan awal di tadika merupakan platform utama untuk meningkatkan perkembangan kanak-kanak bagi membolehkan mereka meneroka, memahami dan mengenali dunia dengan mengaplikasikan kaedah bermain sambil belajar. Faktor persekitaran pembelajaran luar kelas yang kondusif dari aspek fungsi, landskap serta sistem permainan yang interaktif turut menyumbang kepada perkembangan psikomotor kanak-kanak. Namun begitu, pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di persekitaran luar kelas kurang dilaksanakan oleh guru-guru tadika atas faktor keselamatan, kekurangan fasiliti serta reka bentuk persekitaran luar kelas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti faktor persekitaran pembelajaran persekitaran luar kelas yang mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika. Untuk mencapai objektif kajian, kaedah kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes telah dilaksanakan untuk meneroka elemen landskap persekitaran yang sesuai dalam mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak di tadika NCDRC, UPSI, Tanjong Malim, Perak. Seramai 13 informan terdiri daripada wakil guru tadika NCDRC, pegawai seni bina landskap, pensyarah pendidikan awalkanak-kanak dan kanak-kanak tadika NCDRC terlibat dalam kajian ini melalui perbincangan kumpulan berfokus (FGD) dan temu bual mendalam secara individu. Data tambahan diperolehi daripada pemerhatian peserta, analisis dokumen, dan bahan audio-visual. Pendekatan analisis tematik digunakan dalam menganalisis data kajian. Kajian ini menyumbang secara signifikan kepada badan ilmu. Kajian ini juga meningkatkan pemahaman konsep dalam penggunaan landskap luar kelas serta penggunaan ciri-ciri landskap berfungsi sebagai teras mencipta persekitaran yang merangsang dan menyokong perkembangan kanak-kanak secara holistik. Hasil kajian membuktikan bahawa peranan landskap luar kelas sangat penting terhadap perkembangan kanak-kanak tadika. Pengaruh semangat tempat (sense of place)

terhadap landskap persekitaran di luar kelas dapat memberi impak positif terhadap perkembangan fizikal, kognitif, emosi, dan sosial kanak-kanak. Melalui landskap luar kelas yang menyeluruh dan bersifat merangsang, kanak-kanak tadika dapat menimba pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang lebih baik khususnya kepada pihak tadika dan Kementerian Pendidikan Malaysia tentang pentingnya reka bentuk landskap dalam membantu secara tidak langsung proses pendidikan dan pembelajaran di sekolah.

Kata kunci: Reka Bentuk Landskap, Persekitaran Tadika, Psikomotor, PdPc, Malaysia

ABSTRACT

Kindergarten is an early education institution that provides exposure to children aged four to six years old. Early education in kindergarten is the main platform for improving children's development to allow them to explore, understand, and get to know the world by application of learning through play. The factors of the learning environment in outdoor classrooms with conducive from the aspects of function, landscape, and interactive game system also contribute to the psychomotor development of children. However, the implementation of teaching and facilitating (PdPc) in the outdoor classroom is less implemented by kindergarten teachers due to safety factors, lack of facilities, and the problems of landscape design of the outdoor classroom environment. Therefore, this study was conducted to identify factors of the learning environment in outdoor classrooms in influencing the psychomotor development of children in kindergarten. To achieve the objectives of the study, a qualitative method using a case study approach was implemented to explore the environmental landscape elements that are suitable for influencing the psychomotor development of children at NCDRC, UPSI, Tanjong Malim, Perak. A total of 13 informants consisting of representatives of NCDRC kindergarten teachers, landscape architecture officers, early childhood education lecturers, and NCDRC kindergarten children were involved in this study through focus group discussions (FGD) and individual in-depth interviews. Additional data was obtained from participant observation, document analysis, and audio-visual materials. The thematic analysis approach was used in analyzing the research data. This study contributes significantly to the body of knowledge. It improves conceptual understanding in the use of landscape outside the classroom as well as the use of landscape features as the core of creating an environment that stimulates and supports children's holistic development. The results of the study prove that the role of landscape outdoor classrooms is very important to the development of kindergarten children. The influence spirit place on the landscape of the environment at outdoor classroom can have a positive impact on the physical, cognitive, emotional, and social development of children. Through a comprehensive and stimulating outdoor landscape in kindergarten, children will have fun and meaningful learning experiences. Therefore, this study is expected to give a better understanding, especially to the kindergarten organization and the Ministry of Education about the importance of this landscape design in indirectly helping the education and learning process in schools.

Keywords: Landscape Design, Kindergarten Environment, Psychomotor, PdPc, Malaysia

PENGENALAN

Umum mengetahui bahawa bermain adalah fitrah bagi kanak-kanak. Pelaksanaan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang berlaku di tadika lebih berkesan apabila guru-guru mengaplikasikan teknik bermain dalam PdPc di tadika. Hal ini kerana teknik bermain sambil belajar meluaskan lagi pengalaman kanak-kanak. Menurut Suppiah Nachiappan, *et al.* (2017) didapati kanak-kanak yang berumur lingkungan 4 hingga 6 tahun berada pada tahap pra operasi di mana kanak-kanak perlu terlibat secara langsung bagi memperoleh pengalaman, seterusnya membantu meningkatkan pertumbuhan daripada segi perkembangan psikomotor kanak-kanak di tadika. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nur Azreena dan Denise Koh (2023), kemahiran motor halus dan motor kasar kanak-kanak adalah penting sebagai asas kepada perkembangan kanak-kanak dan kemahiran ini bermula pada peringkat awal kanak-kanak di prasekolah dengan melakukan pelbagai aktiviti melibatkan kemahiran motor halus dan motor kasar. Kanak-kanak berpeluang merasai kepuasan dan keseronokan meneroka dunia pembelajaran dengan mengaplikasikan pendekatan teknik bermain. Hal ini

secara tidak langsung dapat merangsang perkembangan psikomotor mereka (Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali, 2011).

Walau bagaimanapun, terdapat kekangan dalam merealisasikan kelestarian perkembangan psikomotor kanak-kanak ini. Noorasikin Ismail *et al.* (2018) menyatakan keselamatan adalah perkara penting ketika melakukan aktiviti di luar kelas di tadika kerana boleh mendatangkan risiko kepada kanak-kanak. Selain daripada itu, antara kekangan lain adalah kekurangan fasiliti dalam melakukan proses PdPc di luar kelas. Reka bentuk persekitaran luar kelas yang tidak menepati kehendak dan imaginasi kanak-kanak menyebabkan mereka tidak merasai keseronokan semasa melakukan aktiviti PdPc di luar kelas. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan pembelajaran di luar kelas yang mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika di NCDRC, UPSI. Oleh yang demikian, kajian ini hanya memfokuskan kepada landskap persekitaran luar kelas di NCDRC yang terletak di UPSI. Sebanyak 13 informan telah terlibat di dalam kajian ini yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Berdasarkan kajian lepas, umum mengetahui banyak kajian mengenai peranan landskap persekitaran telah dijalankan di institusi pendidikan terutamanya di kawasan sekolah rendah, menengah serta universiti awam, namun masih sedikit kajian mengenai peranan landskap persekitaran luar kelas dijalankan di kawasan tadika dan seumpamanya. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilihat relevan untuk dijalankan kerana tadika merupakan institusi sosial yang memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan minda dan fizikal kanak-kanak. Selain itu, tadika juga adalah penentu kepada budaya generasi masa hadapan dan menyediakan asas bagi pembentukan modal insan karamah di Malaysia. Secara keseluruhannya, landskap persekitaran luar kelas di tadika wajar diberikan perhatian sebagai sebahagian daripada komponen PdPc.

Pembelajaran Luar Kelas

Aktiviti bermain di luar kelas membolehkan kanak-kanak menerokai persekitaran bagi membantu meningkatkan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak (Zaleha Damanhuri, 2017). Oleh itu, suasana pembelajaran di persekitaran luar memainkan peranan penting kepada perkembangan kanak-kanak. Kenyataan ini juga disokong oleh Che Nidzam Che Ahmad *et al.* (2016), di mana suasana pembelajaran yang tenteram dan selesa mendorong pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Aktiviti pembelajaran di luar kelas dapat dilaksanakan dengan kemudahan dan fasiliti yang lengkap. Kemudahan yang disediakan perlulah bersesuaian dan menepati keperluan kanak-kanak di tadika. Bahan dan peralatan bermain mestilah dalam keadaan yang baik dan diselenggara sebelum digunakan oleh kanak-kanak semasa bermain. Peralatan bermain secara langsung menyumbang kepada perubahan tingkah laku pembelajaran kanak-kanak apabila dapat merasai sendiri suasana pembelajaran dan seterusnya meningkatkan potensi mereka menyelesaikan masalah (Suteja & Setiawan, 2022 dan Wahyu Widada *et al.*, 2019). Hal ini membolehkan kanak-kanak berasa seronok ketika pembelajaran di luar kelas. Selain itu, ruang persekitaran yang selamat di luar kelas juga penting bagi mengurangkan risiko kecederaan kanak-kanak semasa bermain. Menurut Siti Zaenab (2018), bermain di luar adalah aktiviti yang menyeronokkan dipenuhi dengan rintangan dan cabaran bagi merangsang psikomotor, kognitif dan aspek emosi sosial dalam kalangan kanak-kanak. Perkara ini jelas menunjukkan kanak-kanak meneroka persekitaran luar semasa bermain dan mereka terdedah kepada risiko bahaya jika persekitaran tidak selamat.

Faktor Persekitaran Dan Pembelajaran Kanak-Kanak

Reka bentuk persekitaran yang menepati kehendak kanak-kanak dapat menyokong aktiviti PdPc di luar kelas. Menurut Khairul Firdaus (2022), kanak-kanak menjadi guru dan murid semasa bermain di persekitaran luar kelas kerana mereka akan berkongsi pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan tugas atau cabaran yang dihadapi ketika bermain. Hal ini jelas menunjukkan kanak-kanak menimba pengalaman sendiri semasa bermain di persekitaran luar kelas. Storli & Sandseter (2019) berpendapat hubungan sosial di persekitaran luar mempunyai perbezaan yang ketara di mana dapat memberi galakan untuk komunikasi berlaku secara berperingkat seterusnya membantu meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak. Faktor landskap yang berfungsi adalah sangat penting bagi menggalakkan pertumbuhan kanak-kanak sekaligus meningkatkan keberkesanan PdPc yang dilaksanakan. Ini adalah kerana elemen landskap dapat membantu meningkatkan tumbesaran kanak-kanak dengan baik. Aktiviti bermain di luar kelas juga membolehkan kanak-kanak cergas bergerak dan mengurangkan masalah kesihatan mereka. Penggunaan elemen landskap lembut seperti lapisan tumbuhan yang mempunyai tekstur, berbulu, berbau, bewarna dan berduri menyebabkan kanak-kanak lebih peka terhadap elemen–elemen persekitaran luar kelas (Acar, 2013 dan Hussain, Yunos, Yussof, dan Hamdan, 2021).

Peranan Guru


Selain itu, guru memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan psikomotor kanak-kanak. Menurut kajian yang dijalankan oleh Maynard *et al.* (2013), aktiviti bermain di persekitaran luar kelas menyediakan pengetahuan yang mendalam kepada kanak-kanak dengan bimbingan orang dewasa bagi tujuan pembelajaran. Ini adalah kerana guru adalah pembimbing kepada kanak-kanak dalam menyusun atur aktiviti pembelajaran di luar kelas. Bagi memastikan keberkesanan pembelajaran berlaku, guru mestilah mempunyai kefahaman, kemahiran dan kepakaran sebelum melaksanakan aktiviti di luar kelas.

Teori Froebelion (1782-1852)

Menurut Froebelion, kanak-kanak dianggap sebagai biji benih manakala ibu bapa dan guru adalah tukang kebun serta tadika adalah taman untuk kanak-kanak. Hal ini menjelaskan guru berperanan dalam mereka bentuk pengalaman dan aktiviti kanak-kanak di tadika. Froebelion digelar sebagai Bapa Tadika dengan penubuhan sebuah sekolah taman kanak-kanak yang dikenali sebagai Kindergarden pada tahun 1837. Ciri-ciri taman tersebut berdasarkan idea Froebelion adalah taman kanak-kanak perlulah dipenuhi dengan keindahan untuk menarik perhatian mereka, dicat dengan warna yang terang, mempunyai bilik yang membolehkan cahaya memasukinya, dipenuhi dengan tumbuhan, binatang serta gambar. Ciri-ciri yang digariskan ini merupakan taman kanak-kanak yang diidamkan kanak-kanak yang berada di tadika. Menurut Froebelion juga, pendekatan bermain dalam PdPc adalah sebagai satu strategi yang unik, istimewa dan bermakna. Kenyataan ini jelas menunjukkan aktiviti bermain yang dilakukan di persekitaran yang kondusif dan terancang merangsang perkembangan kanak-kanak (Norfaezah Mohd Hamidin, 2018).

Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian menerangkan secara grafik perkara yang dikaji dan menggambarkan hala tuju kajian bagi membantu pengkaji memperoleh dapatan kajian yang dilaksanakan. Melalui kajian ini, keberkesanan aktiviti pembelajaran di persekitaran luar kelas memberi kesan kepada tahap perkembangan psikomotor kanak-kanak. Oleh itu, keperluan pembelajaran di luar kelas, peranan guru dan faktor persekitaran dan pembelajaran kanak-kanak adalah pemboleh ubah yang tidak bersandar (*Independent Variable, IV*) manakala perkembangan psikomotor kanak-kanak merupakan pemboleh ubah bersandar (*Dependent Variable, DV*).



Rajah 1. Kerangka kajian Perkembangan Psikomotor Kanak-kanak Tadika NCDRC, UPSI.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kes untuk melihat faktor persekitaran pembelajaran di luar kelas yang mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika di NCDRC. Tobi (2016); Creswell dan Creswell (2017) menyifatkan penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri untuk memahami masalah sosial berdasarkan gambaran yang komprehensif dan kompleks yang diperoleh daripada informan yang mempunyai pertalian yang kuat dengan tempat kajian. Penyelidikan kualitatif melibatkan pelbagai kaedah yang berasaskan andaian interpretif dan naturalistik bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang fenomena atau masalah yang disiasat (Sauro, 2015). Data kajian kes dalam penyelidikan ini dikumpul melalui temu bual separa berstruktur, temubual mendalam secara individu, pemerhatian, dan menganalisis bahan audio-visual, dokumen, dan laporan. Kajian ini dijalankan di tadika National Child Development Research Centre (NCDRC) yang terletak di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penubuhan NCDRC merupakan salah satu program di bawah unit latihan untuk pendidik dan penjaga kebangsaan iaitu PERMATA yang turut menyediakan asas untuk pembangunan potensi manusia yang seimbang dan optimum mengikut gaya pembelajaran peribadi dengan mengambil kira nilai-nilai amalan terbaik tempatan dan antarabangsa. Selain itu, NCDRC turut menjadi salah satu tadika perintis di Malaysia untuk perkembangan awal kanak-kanak. Temu bual separa berstruktur yang mendalam telah dijalankan sebagai sumber data utama untuk mengumpul maklumat dan butiran khusus tentang pengalaman informan sepanjang berinteraksi dengan

landskap persekitaran di NCDRC. Informan utama ini dipilih berdasarkan pengalaman luas mereka dalam mereka bentuk landskap persekitaran institusi pendidikan dan pengalaman mengajar di NCDRC. Temu-bual secara individu pula dijalankan terhadap kanak-kanak tadika yang dipilih melalui kaedah sampel secara rawak bagi mengumpul data sokongan. Seramai 13 informan terdiri daripada seorang wakil guru tadika NCDRC, dua pegawai seni bina landskap, dua pensyarah pendidikan awal kanak-kanak di UPSI, dan lapan orang kanak-kanak tadika NCDRC. Semua temu bual dirakam menggunakan perakam suara digital dan titik tepu dicapai pada informan ke-13. Untuk melindungi maklumat informan, pengkaji menggunakan kod samaran bagi menggantikan nama sebenar informan sebagai contoh, informan selain daripada kanak-kanak ditandai dengan kod samaran awalan PK manakala kod samaran bagi informan kanak-kanak dengan awalan kod KK seperti digambarkan pada Rajah 2. Selain itu, beberapa siri pemerhatian turut dijalankan ke atas aktiviti sosial dan pembelajaran yang berlaku di NCDRC diikuti dengan sokongan data tambahan daripada analisis dokumen dan bahan audio-visual. Pemerhatian ini diadakan di beberapa komponen landskap persekitaran luar kelas di NCDRC merangkumi elemen landskap kejur, lembut, unsur-unsur semula jadi seperti tanaman, air dan bentuk alam semula jadi serta elemen buatan manusia seperti struktur bangunan, jalan raya, dan unsur seni. Triangulasi data kemudiannya dijalankan untuk mengesahkan isu atau peristiwa yang dibincangkan dalam temu bual dengan data yang diperolehi daripada pemerhatian, bahan audio-visual, dan analisis dokumen seperti buku, akhbar dalam talian, dan nota lapangan.

Butiran Informan Kajian

Bilangan	Jantina	Umur	Pekerjaan	Kod Informan
1	Perempuan	37	Pensyarah	PK 1
2	Lelaki	41	Pegawai Landskap	PK 2
3	Lelaki	41	Pegawai Landskap	PK 3
4	Perempuan	47	Pensyarah	PK 4
5	Perempuan	37	Guru Tadika	PK 5
6	Lelaki	6	Kanak-kanak	KK 1
7	Perempuan	6	Kanak-kanak	KK2
8	Perempuan	6	Kanak-kanak	KK 3
9	Perempuan	6	Kanak-kanak	KK 4
10	Lelaki	6	Kanak-kanak	KK 5
11	Lelaki	5	Kanak-kanak	KK 6
12	Perempuan	5	Kanak-kanak	KK 7
13	Perempuan	5	Kanak-kanak	KK 8

Rajah 2. Butiran informan yang terlibat di dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dan membincangkan dapatan kertas kerja melalui data yang telah dikumpul dan dianalisis oleh penulis untuk meneroka faktor persekitaran pembelajaran di luar kelas dalam mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika di NCDRC, UPSI. Dengan semua penemuan yang dibentangkan, bahagian ini memfokuskan terhadap elemen landskap persekitaran yang diperlukan di dalam kawasan tadika bagi mereka bentuk landskap yang mampu mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika.

Dapatan ini juga dapat berfungsi sebagai rujukan kepada pengkaji masa hadapan dalam mereka bentuk landskap persekitaran yang mempunyai dwi-fungsi kegunaan pembelajaran dan permainan minda.

Elemen Landskap Persekitaran Dalam Mempengaruhi Perkembangan Psikomotor Kanak-kanak

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka peranan landskap persekitaran di luar kelas yang mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak di NCDRC. Penemuan untuk objektif kajian ini dikumpul melalui Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) dengan wakil UPSI dan disokong oleh dapatan temu bual mendalam secara individu bersama kanak-kanak tadika NCDRC serta daripada pemerhatian peserta, bahan audio-visual dan analisis dokumen. Data yang dikumpul ditranskripsi dan dianalisis dengan mengekod, mengklasifikasikan, dan kemudian disusun ke dalam tema. Dua tema telah dibentuk berdasarkan penemuan berhubung peranan landskap luar kelas yang mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika di NCDRC, UPSI, iaitu seperti berikut:

1. Peranan landskap lembut dalam mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika NCDRC, UPSI.
2. Peranan landskap kejur dalam mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika NCDRC, UPSI.

Peranan landskap lembut dalam mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika NCDRC, UPSI.

a) Flora dan Fauna

Penemuan kajian mendapati bahawa flora dan fauna yang terdapat di landskap persekitaran luar kelas merupakan penyumbang terbesar dalam mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak di NCDRC. Dapatan ini merujuk kepada maklumat yang diperolehi semasa proses temubual mendalam dan pemerhatian persekitaran luar kelas yang dijalankan di Taman Oasis Tadika NCDRC, UPSI. Untuk mengukuhkan lagi pengembangan tema, penemuan ini juga diperolehi daripada semakan dokumen berkaitan kajian ini. Flora dan fauna adalah elemen landskap lembut yang dikenal pasti terdapat di Taman Oasis. Elemen ini dapat membantu dalam perkembangan psikomotor kanak-kanak dengan melakukan aktiviti PdPc di persekitaran luar kelas. Ini disokong oleh informan PK 4.

“Bagi saya kan, tumbuhan yang berwarna-warni.... Elemen warna warni.. maksudnya *coloring and flowering plant* ni dapat meningkatkan perkembangan psikomotor kanak-kanak. Sebab saya lihat ada tanaman bunga kat situ, tapi bunga dia ada satu je yang terdapat di Taman Oasis tersebut”.

(PK 4)

Penyataan daripada PK4 turut disokong oleh informan lain yang mengatakan bahawa psikomotor kanak-kanak dapat ditingkatkan dengan tumbuhan yang berwarna-warni, bertekstur, wangi dan cantik. Kenyataan ini selari dengan pendapat PK 2 di mana Taman Oasis mempunyai tumbuh-tumbuhan hijau yang merona, berbau harum dan segar seterusnya membentuk kesan positif kepada perkembangan psikomotor kanak-kanak.

“Seperti yang kita tahu, di Taman Oasis terdiri daripada pelbagai flora yang berwarna-warni, wangi dan menghijau.... Dan kebanyakannya adalah terdiri daripada jenis renek, rimbun, menjalar, berbunga dan menghijau”.

(PK 2)

Selain itu, pernyataan ini disokong oleh pemerhatian turut serta yang dilakukan terhadap peranan landskap lembut di NCDRC di mana kedudukan, susun atur, penggunaan elemen flora yang berona dan cantik memberikan manfaat kepada perkembangan psikomotor kanak-kanak. Pernyataan ini seiring dengan gambar Rajah 3 di bawah yang menggambarkan keadaan elemen landskap lembut di NCDRC.



Rajah 3. Taman Oasis, NCDRC


Selain fungsi flora yang menjadi elemen penyeri kepada Taman Oasis di NCDRC, elemen fauna turut menjadi penyumbang kepada perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika di NCDRC. Hasil daripada temu bual yang dijalankan, informan PK 1 menyatakan kewujudan rumah burung di Taman Oasis, mampu menarik minat kanak-kanak untuk meneroka dan mempelajari ilmu mengenai penjagaan dan pengurusan fauna. Selain itu, bunyi-bunyian yang dihasilkan oleh burung-burung ini turut menjadi elemen terapi kepada perkembangan minda kanak-kanak di NCDRC. Ini adalah selari dengan pernyataan dari PK 1;

“...burung-burung di sini mewujudkan *natural sound* yang menenangkan di Taman Oasis dan juga mampu menarik minat kanak-kanak untuk bermain dan bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara burung ini”.

(PK 1)

Pernyataan ini selari dengan pemerhatian yang dilakukan terhadap faktor persekitaran pembelajaran di luar kelas yang mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak

tadika di NCDRC. Kewujudan rumah burung di Taman Oasis membolehkan kanak-kanak mempelajari cara penjagaan haiwan dengan bantuan guru. Kewujudan elemen landskap kejur seperti rumah burung ini membantu proses perkembangan panca indera kanak-kanak di NCDRC melalui rangsangan visual dan sensori seperti pengenalan kepada jenis-jenis warna flora dan fauna, mengenali bentuk-bentuk fizikal alam persekitaran dan mengasah deria pendengaran melalui bunyian di persekitaran mereka. Proses ini dapat membantu merangsang panca indera kanak-kanak di NCDRC, meluaskan deria pemikiran mereka serta merangsang proses kognitif. Rajah 4 menunjukkan kedudukan rumah burung yang menjadi tempat tumpuan utama bagi kanak-kanak tadika di NCDRC untuk belajar bermain dengan fauna dan mewujudkan interaksi sosial antara manusia dengan alam. Selari dengan pernyataan oleh A. Almeida, V.Rato & Z.F. Dabaja, (2019), pelaksanaan aktiviti di persekitaran luar kelas berpotensi menjalinkan hubungan manusia dengan alam melalui penerokaan, penemuan dan imaginasi.



Rajah 4. Rumah burung yang menjadi sumber utama kepada proses pembelajaran di luar kelas di NCDRC, UPSI.

Pengaruh landskap lembut di luar kelas sangat mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak. Ini adalah selari dengan pernyataan Rymanowicz *et al.* (2020) di mana aktiviti di persekitaran luar kelas menunjukkan perubahan tingkah laku kanak-kanak yang ketara dan menggalakkan minat kanak-kanak untuk meneroka alam semulajadi di sekitar mereka. Sehubungan dengan itu, elemen landskap lembut yang menarik seperti kewujudan tumbuh-tumbuhan dan fauna yang terdapat di persekitaran luar kelas mampu memberikan impak positif kepada perkembangan psikomotor kanak-kanak.

Peranan landskap kejur dalam mempengaruhi perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika NCDRC, UPSI.

a) Rekabentuk Taman Oasis di NCDRC

Hasil temu bual yang dijalankan secara individu terhadap informan mendapati landskap kejur turut menjadi penyumbang kepada proses perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika di

NCDRC. Kewujudan landskap kejur di Taman Oasis menjadi tarikan utama kepada kanak-kanak untuk bermain dan belajar meneroka persekitaran di luar kelas. Taman Oasis ini dilengkapi dengan pelbagai permainan interaktif minda dan fizikal seperti gelongsor, buaian, jongkang-jongket, penunggang *spring* dan gegelung halangan yang menjadi pencetus kepada proses perkembangan psikomotor kanak-kanak tadika di NCDRC. Kenyataan ini disokong oleh informan KK 1 melalui sesi temu bual yang dijalankan di mana mereka menyatakan keterujaan dan kegembiraan untuk meneroka persekitaran landskap luar kelas apabila dapat bermain dan belajar di luar kelas.

“Seronok sangat sebab banyak permainan... ada gelongsor.. buaian..jongkang-jongkit..mmmm ada gelongsor yang bulat-bulat macam terowong tu..dapat cari katak, panjat-panjat pokok... semua seronok, dapat belajar macam-macam”

(KK 1)

Selain itu, kenyataan ini turut disokong oleh informan KK 2 yang menggambarkan perasaan gembira ketika bermain di luar kelas.

“Suka sangat.... sebab dekat taman tu ada gelongsor... ada buaian ...boleh main sorok-sorok.. saya suka main sorok-sorok dengan kawan-kawan..dapat lari-lari, panjat-panjat... nanti boleh sihat dan kuat macam ayah”

(KK 2)

Sebagai pengukuh kenyataan di atas, informan lain juga menceritakan pelbagai aktiviti yang dilakukan semasa bermain di luar kelas membantu pertumbuhan fizikal dan mental yang kuat. Peranan landskap persekitaran di luar kelas di NCDRC menggalakkan proses pembelajaran melalui pengalaman secara langsung kepada kanak-kanak. Kanak-kanak di NCDRC dapat memerhati fenomena persekitaran mereka seperti fungsi landskap kejur, pertumbuhan tumbuhan, perubahan cuaca dan kehadiran fauna di taman NCDRC. Hal ini turut membantu mereka memahami konsep-konsep sains dan alam persekitaran mereka secara praktikal dan menggalakkan kepada rangsangan deria berfikir dan meneroka kanak-kanak. Kenyataan ini juga disokong oleh informan PK 4 dimana beliau menyatakan permainan seperti gelongsor, buaian dan jongkang-jongket yang terdapat di persekitaran luar kelas dapat membantu meningkatkan psikomotor kanak-kanak seperti pergerakan motor kasar dan motor halus.

“...*outdoor* landskap ni memang membantu perkembangan psikomotor kanak-kanak. Cuma kita kena tengok sama ada psikomotor halus atau psikomotor kasar. Kalau kita tengok di NCDRC, memang landskap di NCDRC ni menggalakkan perkembangan psikomotor kanak-kanak. Di Taman Oasis tu, ada buaian, gelongsor dan jongkang-jongket”.

(PK 4)

Penyataan ini dikukuhkan lagi dengan pemerhatian di lokasi kajian, di mana kewujudan alat permainan seperti buaian, gelongsor, jongkang-jongket dan lain-lain mampu menggalakkan pergerakan aktif kanak-kanak semasa bermain di Taman Oasis tersebut. Ketersediaan ruang

terbuka dan kepelbagaian aktiviti fizikal di persekitaran Taman Oasis dapat membantu meningkatkan kesihatan fizikal kanak-kanak. Rajah 5 menunjukkan pelbagai jenis permainan yang terdapat di persekitaran luar kelas di NCDRC.



Rajah 5. Permainan di Taman Oasis

Menurut Cameron & Mc Gue (2019), pembelajaran di persekitaran luar kelas dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran, merangsang pergerakan aktif, membantu kepekaan terhadap rangsangan dan meningkatkan perhatian kanak-kanak semasa bermain. Perkara ini jelas dapat memberi kesan positif dalam membantu meningkatkan daya tumpuan belajar kepada kanak-kanak tadika. Sehubungan dengan itu, aktiviti pembelajaran di luar kelas yang dilengkapi dengan elemen landskap kejur atau peralatan bermain di taman permainan mampu merangsang motor kasar kanak-kanak melalui pergerakan aktif ketika bermain.

KESIMPULAN

Fungsi landskap persekitaran di luar kelas bukan sahaja memainkan peranan penting dalam membentuk ruang yang selamat untuk kanak-kanak meneroka dan belajar malahan dapat memberikan kesan positif dalam perkembangan fizikal, sosial, emosi, kognitif dan psikomotor kanak-kanak tadika di NCDRC. Perkembangan minda dan fizikal kanak-kanak yang dipengaruhi oleh landskap persekitaran luar kelas sangat penting terutamanya dalam memastikan mereka mendapat manfaat sepenuhnya daripada alam persekitaran mereka. Berdasarkan kajian ini, beberapa kepentingan landskap persekitaran luas kelas di NCDRC sangat penting terhadap perkembangan minda dan fizikal kanak-kanak. Kanak-kanak di NCDRC di dedahkan oleh elemen pembelajaran berasaskan pengalaman di mana landskap persekitaran yang baik telah memberi peluang kepada kanak-kanak meneroka persekitaran mereka dan membolehkan mereka memahami konsep pengalaman secara praktikal dan kreatif. Selain itu, pengalaman bermain di luar kelas turut menjadikan kanak-kanak di NCDRC lebih kreatif dan berimajinasi tinggi. Peranan landskap persekitaran luar kelas ini sangat penting dalam merangsang perkembangan kreativiti dan imaginasi mereka serta memperkukuh kemahiran kognitif seperti pemecahan masalah, menganalisa dan kemahiran sosial seperti bekerjasama dan berkomunikasi. Di samping itu, landskap luar kelas di

NCDRC yang baik turut menyumbang kepada perkembangan fizikal kanak-kanak di mana mereka dapat menjalankan aktiviti fizikal seperti bermain dan melakukan aktiviti pembelajaran di luar kelas. Hal ini secara tidak langsung akan membantu pembangunan psikomotor mereka. Perancangan landskap persekitaran yang baik merangkumi landskap kejur dan lembut di NCDRC, bukan sahaja mampu membentuk semangat tempat di sini malahan turut mencipta suasana pendidikan dengan persekitaran yang dapat merangsang, menyokong perkembangan holistik seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan elemen fizikal dan mental kanak-kanak. Landskap persekitaran di luar kelas yang baik dapat membentuk pengalaman positif dalam pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak pada peringkat awal persekolahan. Melalui kajian ini, menunjukkan bahawa faktor landskap persekitaran di luar kelas adalah sesuatu perkara yang penting dan diambil kira dalam pembinaan sesebuah landskap persekitaran di tadika khususnya. Rekabentuk landskap persekitaran tadika yang kondusif memberangsangkan minat dan sikap positif kanak-kanak terhadap proses PdPc dan aktif di luar kelas. Oleh yang demikian, langkah positif perlu diambil oleh pihak yang terlibat khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara (JLN) bagi mencapai hasrat pendidikan terbilang dengan melalui peningkatan perkembangan psikomotor kanak-kanak disamping dapat bergiat cergas dalam akademik serta ko-kurikulum. Pihak KPM dengan kerjasama JLN hendaklah mengambil kira faktor psikologi dan sosiologi pendidikan terkini sewaktu proses pembinaan sesebuah tadika. Rekebentuk landskap persekitaran yang dibina di tadika hendaklah ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan mengabungkan element landskap kejur dan lembut. Kesimpulannya, satu garis panduan yang memberi penekanan kepada reka bentuk landskap persekitaran di luar kelas bagi institusi pendidikan di Malaysia khususnya di tadika perlu disediakan dengan menekankan tentang kepentingan elemen landskap lembut dan landskap kejur.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan kewangan yang diberikan. Selain itu, kerja ini disokong oleh Geran Penyelidikan Universiti Berasaskan Pendidikan (GPUBP) (nombor geran-2022-0146-107-01).

RUJUKAN

- A. Almeida, V. Rato & Z.F. Dabaja. (2019). Activities in nature : how frequent is the contact of contemporary children with the natural world? . *Proceedings of ICERI2019 Conference* (pp. 2555-2562). Seville Spain: European Proceedings of Multidisciplinary Sciences.
- Acar Habibe . (2014). Learning environments for children in outdoor spaces. *Procedia-Social Behavioral Sciences* (pp. 846-853). Trabzon, Turkey : Elsevier Ltd.
- Cameron Makena & McGue Samantha. (2019). *Behavioral effects of outdoor learning on primary students*. St.Catherine University .
- Che Nizam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih & Mohd Hairry Ibrahim(2014). Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3 ed.). Thousand Oaks: Sage publications.
- Zaleha Damanhuri. (2017). Perkembangan main dalam kalangan kanak-kanak awal. *Jurnal Sains Sosial.*, 2:144-155.

- Hussain, M. A., Yunos, M. Y., Yussof, Y. M., & Hamdan, H. (2021). Interpreting the Link Between the Malay Cultural Landscape and Malay Poetry. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 53-61. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/5231>
- Storli, R., & Sandseter, E.B.H. (2019). Children's play, well-being and involvement: how children play indoors and outdoor in Norwegian early childhood education and care institutions. *International Journal of Play*, 8(1): 65-78.
- Sauro, J. (2015). *5 types of qualitative methods*. Retrieved from <https://measuringu.com/qual-methods/>
- Khairul Firdaus Ne matullah, Lim Seong Pek, Rita Wong Mee Mee, Satoria Amiruddin, Md Rosli Ismail & Nabilah Abd Talib. (2022). Children outdoor play towards educational sustainability: a scoping review. *International Conference on Sustainable Practices, Development and Urbanisation (ICONSPADU 2021)* (pp. 574-588). European Publisher .
- Maynard Trisha, Water Jane & Clement Jennifer . (2013). Child-initiated learning, the outdoor environment and the 'underachieving' child . *An International Research Journal* , 33 (3): 212-225.
- Noorasikin Ismail, Zainal Abidin Zainuddin & Halijah Ibrahim (2018). Komitmen terhadap keselamatan aktiviti luar dan berisiko dalam pendidikan. *Sains Humanika.*, 10(3-2) :1-15.
- Norfaezah Mohd Hamidin , Siti Nurhajariah Md Isa, Awatif Abdul Rahman & Idi Hamdi (2018) *Awal Kanak-Kanak (PAKK) Di Malaysia: Kajian Literatur*. From Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nur Azrenna Ahmad Jumry & Denise Koh Choon Lian. (2023). Mengukur perkembangan kemahiran motor kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial* , 6(8): 91-101.
- Rymanowicz Kylie, Hetherington Chelsea & Larm Brooke. (2020). Planting the seeds for nature - based learning: Impacts of a farm and nature-based early childhood education Program. *The International Journal of Early Childhood Environmental Education* , 8(1): -63.
- Siti Zaenab. (2019). Outbound learning in the development of emotional social aspect of another age in PAUD Dompu Regency. *International Conference on Education and Technology (ICET 2018)* (pp. 166-170). Atlantis Press.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermian dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.*, 1(2): 1-15.
- Suppiah Nachiappan, Rachel Mildred Edward Munovah, Norazilawati Abdullah & Sandra Suffian (2017.). Perkembangan kognisi dalam kanak-kanak prasekolah melalui teknik bermain. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan.*, 6(1):34-44 .
- Suteja, S., & Setiawan , D. . (2022). Students' critical thinking and writing skills in project-based learning. . *International Journal Education Qualitative Quantitative Research.* , 1(1):16-22.
- Tobi, S. U. (2016). *Qualitative research, interview analysis and nvivo11 exploration*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Wahyu Widada, Dewi Herawaty, Abdurrobbil Falaq Dwi Anggoro, Azes Yudha & Misi Kurnis Hayati (2019). Ethnomathematics and outdoor learning to improve problem solving ability. *Advances in Social Sciences, Education and Humanities Research* , (295):13-16.